

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan statistik bagi pecahan tahap dan jenis pekerjaan yang wujud hasil daripada kemasukan pelaburan asing ke dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam meneruskan usaha menggalakkan pelaburan asing ke dalam negara bagi terus mewujudkan peluang pekerjaan meskipun pandemik COVID-19 telah melanda dunia sejak dua (2) tahun lalu dan mengubah landskap pelaburan dunia, termasuk Malaysia.

Sektor perkilangan / pembuatan kekal memainkan peranan penting dalam meneruskan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), sejak Januari 2016 sehingga Jun 2021, sebanyak 2,309 projek pelaburan asing telah diluluskan dalam sektor perkilangan / pembuatan. Pelaburan ini telah dan dijangka akan menjana sejumlah 234,397 peluang pekerjaan baharu.

NO SOALAN : 40

Berdasarkan jumlah tersebut, 15,525 (6.6%) adalah terdiri daripada kategori pengurusan; 42,274 (18.1%) kategori profesional / teknikal dan penyeliaan; 33,296 (14.2%) kategori tenaga mahir; 19,519 (8.3%) kategori pekerja jualan, perkeranian dan lain-lain; 104,839 (44.7%) kategori operator mesin dan pekerja pemasangan; dan 18,944 (8.1%) kategori pekerja am.

Bagi tempoh Januari 2016 sehingga Jun 2021 tersebut, sebanyak 91,095 (38.9%) peluang pekerjaan telah diwujudkan di tahap / jenis pekerjaan yang berkemahiran / berpengetahuan tinggi iaitu pekerjaan yang diwujudkan di tahap / jenis pengurusan; profesional / teknikal & penyeliaan; dan pekerja tenaga mahir.

Lima (5) industri utama yang menyumbang kepada peluang pekerjaan yang tinggi dalam pelaburan asing adalah industri elektrik dan elektronik seramai 79,923; diikuti oleh industri produk getah sebanyak 18,939; kelengkapan pengangkutan 16,255; kertas, percetakan dan penerbitan 14,033; dan barangan logam asas 13,576.

Kerajaan akan terus bergerak ke hadapan dan komited untuk meningkatkan pelaburan dan optimis bahawa Malaysia akan kekal dan terus dipilih sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif dan berdaya saing mengambil kira kedudukan Malaysia yang strategik, persekitaran perniagaan dan ekosistem yang kondusif, serta inisiatif-inisiatif strategik berkaitan pelaburan yang terdapat di Malaysia sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di pelbagai tahap dan jenis pekerjaan.